

Kekal fokus antara petua kejayaan penerima Anugerah Tun Zaki UMS

UB 31.03.2022 P.08

KOTA KINABALU: Kekal fokus dalam sesi kuliah antara petua kejayaan Khor Cheng Yee, penerima Anugerah Tun Zaki Tun Azmi pada istiadat Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) kali ke-22.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, beliau sentiasa fokus ketika berada di dalam kelas dan berusaha memahami setiap pengajaran yang disampaikan oleh pensyarah.

“Saya kemudiannya akan memproses setiap pengetahuan yang diperolehi setelah habis sesi pembelajaran,” katanya ketika ditemui semasa sidang tiga, Konvokesyen UMS di sini, kelmarin.

Graduan Ijazah Sarjana Muda Sains Marin itu berjaya menamatkan pengajian dengan Himpunan Purata Nilai Gred (CGPA) 3.91.

Dalam pada itu, Khor memaklumkan, beliau sebenarnya tidak menyangka untuk dinobatkan sebagai penerima anugerah tersebut.

“Saya sebenarnya amat terkejut apabila dimaklumkan tentang perkara ini.

“Saya hanya mengetahuinya daripada rakan saya,” katanya yang turut menekankan pentingnya keseimbangan dalam akademik dan aktiviti kokurikulum.



KHOR

Gadis yang berasal dari Pulau Pinang ini juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa memberi sokongan dan motivasi kepada sepanjang pengajian.

“Terima kasih ibu bapa, ahli keluarga dan rakan-rakan serta seluruh pensyarah yang telah memberi tunjuk ajar sepanjang saya begelar mahasiswa di sini.

“Doakan saya agar terus berjaya dalam apa juga bidang yang diceburi,” ujarnya yang bercita-cita sebagai ahli biologi Sains Marin.